

**JERUSALEM**  
**DALAM ISLAM:**  
**Manifestasi Keistimewaannya Pada Zaman**  
**Rasūlullāh Ṣallallāhu ‘Alayhi wa Sallam,**  
**Para Sahabat dan Ṭabī‘īn**

**PROF. DR. ‘ABD AL-FATTĀH**  
**AL-‘AWAYSĪ AL-MAQDISĪ**

Diterjemahkan Oleh:  
**MOHD KHAIRUL ANWAR ISMAIL**



Terbit edisi e-buku, Ogos 2022  
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Sumber Asal: Diterjemahkan dari bahagian kedua makalah  
*The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference*

Pengarang: Prof. Dr. 'Abd al-Fattāh al-'Awaysī al-Maqdisī

Penterjemah: Mohd Khairul Anwar Ismail

Pruf: Mohammad Syafiq Ismail

Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman

Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)

No. 6, Jalan TC 2A/2,

Taman Cemerlang

53100 Kuala Lumpur

MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500

No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299

No.Faks: +603-4108 2400

Emel: abimpressmy@gmail.com

Laman Sesawang: www.abimpress.com

FB: www.facebook.com/abimpressmy

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun  
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di  
halaman FB Abim Press:



# MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Dengan nama Allāh  
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allāh, Tuhan Sekelian Alam, serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muḥammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.

Saya ungkapkan rasa syukur ke hadrat Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* kerana mempermudah jalan kepada terbitnya dua judul terbaharu ini yang merupakan sebahagian daripada siri e-buku Palestin berkesinambungan daripada siri-siri sebelum ini. Judul terbaharu ini adalah terjemahan daripada bahasa Inggeris karya Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāh al-‘Awaysī al-Maqdisī, yang berjudul *The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference*. Karya ini diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan judul *Jerusalem Dalam Islam*, yang dipecahkan pula kepada dua judul, iaitu yang pertamanya *Keistimewaannya*

*Sebagai Tanah Yang Diberkati* manakala yang kedua adalah *Manifestasi Keistimewaannya Pada Zaman Rasūlullāh Sallallāhu ‘Alayhi wa Sallam, Para Sahabat dan Tābi‘īn.*

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāh yang telah memberikan keizinan kepada saya untuk menterjemahkan karya beliau ini dan seterusnya memberikan keizinan untuk ABIM menerbitkannya. Saya telah menghubungi beliau ketika kunjungan beliau ke Pejabat Global Peace Mission Malaysia (GPM) pada 10 Ogos 2022, dan saya agak berbahagia mendengar keizinan beliau. Beliau juga tentulah gembira lebih-lebih lagi dengan latar belakang beliau sebagai seorang ilmuwan, penerbitan ini adalah selaras dengan apa yang beliau impikan kerana ini adalah sebahagian daripada pencerahan tentang isu Palestin, melalui jalan ilmu.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada ABIM dan GPM, kerana sentiasa mengambil berat isu-isu berkaitan umat Islam sejak awal penubuhannya. Buat para pembaca sekalian, selamat membaca dan semoga beroleh manfaat yang besar daripada karya ini. Saya yakin para pembaca sekalian akan dapat lebih banyak jawapan dan pencerahan kenapa tanah Palestin ini istimewa dan diisytiharkan keberkatannya dalam al-Qur’ān.

Selamat membaca!

Mohd Khairul Anwar Ismail

Bandar Baru Bangi,

Jumaat, 26 Ogos 2022.

# JERUSALEM DALAM ISLAM: Manifestasi Keistimewaannya Pada Zaman Rasūlullāh Ṣallallāhu ‘Alayhi Wa Sallam, Para Sahabat dan Tābi‘īn

Oleh:

Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāḥ al-‘Awaysī  
al-Maqdisī



Status istimewa Jerusalem ini telah dinyatakan dan dizahirkan melalui keprihatinan yang ditunjukkan oleh Nabi Muḥammad ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam, para sahabat dan pengikut baginda untuk menyelamatkannya, memeliharanya dan menjaganya sepenuhnya, dengan cara-cara seperti berikut:

## 1.

### Mewujudkan Kepentingan Spiritual Dalam Keajaiban Malam *Isrā'* dan *Mi'rāj*

Dengan mewujudkan kepentingan spiritual dalam keajaiban malam *isrā'* dan *mi'rāj* yang dialami oleh Nabi Muḥammad pada 27 Rajab dua tahun sebelum Hijrah.<sup>1</sup> Melalui ayat al-Qur'ān, Allah berfirman:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ  
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي  
بَارَكْنَا حَوْلَهُ

“Maha Suci Allāh yang telah menjalankan hamba-Nya (Muḥammad) pada malam hari dari Masjid al-Ḥarām (di Makkah) ke Masjid al-Aqṣā (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya...” (Sūrah al-Isrā', ayat 1)

Demikianlah Masjid al-Ḥarām di Makkah dihubungkan secara rapat dengan Masjid al-Aqṣā. Begitu juga Jerusalem serta kawasan sekitarnya dipertautkan dengan kepercayaan dan hati umat Islam.

---

1 Ibn Hishām, *Al-Sīrah al-Nabawīyah*, bahagian ke-2, Dār al-Rayyān li al-Turāth, Kaherah, 1987, hlm. 47-53; Ibn Kathīr, *Al-Sīrah al-Nabawīyah*, bahagian ke-2, Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, Beirut, hlm. 93-112.

Ini berlaku pada waktu yang sukar dan kritikal ketika mana Nabi dan umat Islam yang tertindas menanggung segala jenis penderitaan dan penindasan, terutamanya selepas kematian orang yang dicintai oleh baginda, yang paling dipercayai baginda, dan penyayang iaitu Khadījah; serta kematian pelindung dan penjaga baginda iaitu bapa saudara baginda Abū Ṭālib. Nabi juga telah pergi ke Ṭā'if untuk mendapatkan pertolongan daripada Banī Thaḳīf. Namun demikian, baginda tidak mengharap sebarang kebaikan daripada Banī Thaḳīf, ini kerana mereka telah menghasut orang-orang bodoh dan hambahamba mereka untuk menghina baginda, meninggikan suara ke atas baginda, melemparkan batu kepada baginda serta mencederakan kaki baginda sehingga berdarah. Baginda menghadapkan diri baginda kepada Allāh lalu berdoa:

اللَّهُمَّ إِلَيْكَ أَشْكُو ضَعْفَ قُوَّتِي، وَقِلَّةَ حِيلَتِي، وَهَوَانِي عَلَى  
النَّاسِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ! أَنْتَ رَبُّ الْمُسْتَضْعَفِينَ وَأَنْتَ  
رَبِّي، إِلَى مَنْ تَكَلَّنِي؟ إِلَى بَعِيدٍ يَتَجَهَّمُنِي؟ أَمْ إِلَى عَدُوِّ  
مَلَكُوتِهِ أَمْرِي؟ إِنْ لَمْ يَكُنْ بِكَ عَلَيَّ غَضَبٌ فَلَا أَبَايَ،  
وَلَكِنَّ عَافِيَتِكَ هِيَ أَوْسَعُ لِي، أَعُوذُ بِنُورِ وَجْهِكَ الَّذِي  
أَشْرَقَتْ لَهُ الظُّلُمَاتُ وَصَلَحَ عَلَيْهِ أَمْرُ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ مِنْ

أَنْ تُنَزِّلَ بِي غَضَبِكَ أَوْ يَحِلَّ عَلَيَّ سُخْطُكَ، لَكَ الْعُثْبِيُّ  
حَتَّى تَرْضَى وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ

“Ya Allāh, aku mengadu kepada-Mu tentang lemahnya kekuatanku, sedikitnya kesanggupanku, dan kerendahan diriku berhadapan dengan manusia. Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih, Engkaulah Pelindung orang-orang yang lemah, Engkaulah jua Pelindungku. Kepada siapakah Engkau serahkan nasibku? Kepada orang jauh yang berwajah suram terhadapku? Ataukah kepada musuh yang akan menguasai urusanku? Asalkan Engkau tidak murka kepadaku, semuanya itu tak kuhiraukan. Kerana nikmat kesejahteraan (yang telah Engkau limpahkan kepadaku) sungguh besar dan luas bagiku. Aku berlindung pada sinar wajah-Mu, yang menerangi kegelapan dan mendatangkan kebaikan atas urusan di dunia dan akhirat. (Aku juga berlindung dari) kemurkaan-Mu yang akan Engkau timpakan kepadaku. Engkau berhak untuk mencelaku (menegur dan mempersalahkan diriku) hinggalah Engkau Redha (kepadaku). Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan-Mu.<sup>2</sup>

---

2 Ibn Hishām, *Al-Sīrah al-Nabawīyyah*, hlm. 68.



Selepas kekecewaan yang dialami oleh Nabi Muhammad ketika lawatan baginda di Ṭā'if, baginda telah bertemu dengan pengalaman kenabian yang baru di Jerusalem yang mana baginda telah bertemu dengan para nabi dan menjadi imam kepada para nabi di dalam solat.

## 2.

### **Nabi Muḥammad Mengutus Surat Kepada Maharaja Byzantine, Heraklius (Hercules)**

Pada bulan Zulhijjah tahun ke-6 Hijrah (627 M), selepas gencatan senjata Hdaybiyyah, Nabi Muḥammad telah mengirim beberapa surat kepada raja-raja menyeru mereka untuk memeluk Islam.<sup>3</sup> Ini termasuk surat baginda kepada Maharaja Byzantine iaitu Heraklius (Hercules). Menurut beberapa keterangan, Heraklius telah meninggalkan Homs dalam perjalanan ke Īliyā'<sup>4</sup> (Jerusalem) untuk menyatakan kesyukuran kepada Tuhan atas kemenangannya ke atas Parsi, yang mana Heraklius telah mendapatkan semula

---

3 Seperti surat-surat baginda yang lain sebagai contoh kepada Chosroes (Khosrow – Pemerintah Parsi – pent), al-Muqawqis (Pemerintah Mesir – pent), buat pemerintah Oman, Yamamah, Bahrain dan lain-lain.

4 Nama Jerusalem (al-Quds) di bawah pemerintahan Byzantine. Dalam banyak tempat digunakan istilah Aelia, tetapi untuk terjemahan ini digunakan istilah di dalam bahasa Arab iaitu Īliyā' – pent.

“*the Holy Cross*” daripada mereka.<sup>5</sup> Apabila Heraklius tiba di Jerusalem dan menunaikan solatnya serta bernazar, utusan Nabi iaitu Dihyah bin Khalifah al-Kalbī al-Khazrajī datang kepadanya, dan menyerahkan surat Nabi kepadanya, lalu membaca dan menterjemahkan kepadanya. Heraklius tidak marah, dan membalas surat itu dengan sopan.

Surat Nabi kepada Heraklius menyatakan seperti berikut:<sup>6</sup> “Atas nama Allāh Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Daripada Muḥammad Pesuruh Allāh kepada Heraklius Agung dari Byzantine: Salam kesejahteraan bagi orang yang mengikuti petunjuk. Masuklah Islam nescaya kamu akan selamat. Peluklah Islam, justeru Allāh akan memberikan dua kali ganda ganjaran, dan sekiranya kamu berpaling, kamu akan menanggung dosa kaum *al-Arīsiyyīn*.”<sup>7</sup>

---

5 Pada permulaannya Parsi mengalahkan Byzantine, kemudiannya Heraklius menyerang kembali dan mengalahkan Chosroes pada tahun 625 Masihi. Al-Qur’ān menyatakan dalam konteks ini: “Orang-orang Rom telah dikalahkan – Di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya –” (Sūrah al-Rūm, ayat 2-4)

Abū al-Ḥasan al-Nadwī, *al-Sīrah al-Nabawiyyah*, al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, Sidon, 1981, hlm. 329, menyebutkan bahawa: “Ayat-ayat dari Sūrah al-Rūm ini diturunkan pada tahun 616 Masihi, dan Kemenangan Heraklius ke atas Parsi adalah pada tahun 625 Masihi.”

6 Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārikh al-Umam wa al-Mulūk*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1988, bahagian ke-2, edisi ke-2, hlm. 130.

7 Istilah yang digunakan pengarang karya ini adalah ‘*the ploughmen*’ iaitu kaum pembajak. Istilah asal di dalam surat tersebut adalah الأريسين yang kebanyakan sejarawan menyebutkan sebagai *al-*

Terdapat beberapa versi yang menyatakan bahawa apabila Heraklius mahu meninggalkan Syria untuk pergi ke Konstantinopel, Heraklius telah mengumpulkan rakyat Byzantine dan mencadangkan agar mengikuti Muḥammad. Apabila mereka menolak, Heraklius mencadangkan agar membayar cukai Jizyah kepada Muḥammad. Apabila mereka menolak, Heraklius mencadangkan untuk berdamai dengan Muḥammad dan memberi selatan dan timur Syria, manakala Heraklius akan mengambil bahagian selebihnya.<sup>8</sup> Apabila mereka telah menolak semua yang Heraklius cadangkan, beliau berangkat sehingga dia mendekati al-Darb, berpaling ke

---

*Arīsiyyīn* (الأرسيين), yang merujuk kepada kaum *al-fallāḥīn* iaitu kaum petani, ataupun *al-ashārīn* iaitu kaum pembajak. Sama ada golongan petani atau kaum pembajak, ia merujuk kepada rakyat kepada Heraklius. Walaupun demikian, Abū al-Ḥasan al-Nadwī, dalam kitabnya *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, mentarjikh bacaannya sebagai *al-Aryusiyyīn* (الأرسيين), yang merujuk kepada kaum Ariyus. Beliau menukilkan Ibn al-Manzūr dalam kitabnya *Lisān al-‘Arab*, yang menyebut dengan sebutan *al-Aryusiyyīn* iaitu merujuk kepada penganut mazhab Arianisme, iaitu pengikut ajaran Ariyus, yang dinisbahkan kepada pengasasnya ‘Abdullāh bin Ariyus (عبد الله بن أريئس), yang tidak memiliki pandangan akidah “Trinity” dan akidahnya lebih hampir kepada tauhid di dalam Islam. Ini adalah hikmah Nabi sebagai seorang negarawan, yang mengkaji tentang latar belakang pemimpin yang mahu didekatinya, justeru Abū al-Ḥasan al-Nadwī, mentarjikh yang dimaksudkan dengan Nabi di dalam suratnya ini adalah *al-Aryusiyyīn* iaitu rakyat kepada Heraklius yang bermazhab Arianisme. – pent.

8 Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1988, bahagian ke-2, hlm. 131. Lihat juga Ibn Kathīr, *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, bahagian ke-3, hlm. 505-506.

arah utara Syria, dan kemudian berkata: “Selamat tinggal, negeri (selatan) Syria.” Kemudian beliau berangkat sehingga sampai ke Konstantinopel.”<sup>9</sup>

### 3.

## **Khabar Gembira Dari Nabi Muḥammad Bahawa Jerusalem Akan Ditakluki oleh Orang Islam**

Nabi Muḥammad telah memberikan khabar gembira bahawa Jerusalem akan ditakluki oleh umat Islam, termasuk beberapa kenyataan berikut:

- a. Kenyataan baginda kepada Shaddād bin Aws bahawa “al-Shām akan ditakluki, dan Jerusalem akan ditakluki. Kamu dan anak lelakimu akan menjadi imam di sana, inshāAllāh.”
- b. Kenyataan baginda kepada ‘Awf bin Mālik: “Wahai ‘Awf, Ingatlah enam perkara (yang akan berlaku) sebelum datangnya hari kiamat. Yang pertama adalah kematianku... , dan akan datang penaklukan Jerusalem ....”

Nabi Muḥammad telah memberikan perhatiannya kepada perkara menyelamatkan dan membebaskan Jerusalem sejak awal lagi. Persediaan dalam kempen untuk

---

<sup>9</sup> Selatan dan timur Syria terdiri daripada Palestin, Jordan, Damsyik, Homs dan lain-lain bersebelasan sisi al-Darb. Bahagian bertentangan dengan al-Darb adalah utara Syria.

menakluk Jerusalem telah dilakukan melalui tindakan untuk melindungi sempadan Syria daripada bahaya Byzantine dan meruntuhkan darjat mereka. Perkara ini berlaku melalui tiga peristiwa dalam era kehidupan Nabi Muḥammad, iaitu: i) perang Mu‘tah<sup>10</sup> pada tahun ke-8 Hijrah (629 Masihi), ii) serbuan ke atas Tabuk<sup>11</sup> pada tahun ke-9 Hijrah (630 Masihi), dan iii) Misi Usāmah bin Zayd pada tahun ke-11 Hijrah (631 Masihi). Ketiga-tiga ini peristiwa, memberikan kesan, kepada hasil-hasil seperti berikut:

- a. Mereka telah menunjukkan (model) kepada umat Islam tentang cara untuk menyebarkan mesej Islam ke luar Semenanjung Tanah Arab.
- b. Mereka telah meruntuhkan prestij (Kerajaan) Byzantine.
- c. Mereka telah menyediakan jalan untuk menyebarkan risalah Islam di al-Shām, di mana mereka telah memulakan langkah awal dalam perjalanan ke arah suatu kempen yang besar yang ditujukan kepada al-Shām dan menyelamatkan Jerusalem.

---

10 Perkampungan Mu‘tah terletak 12 km di Selatan Karak (di Jordan).

11 Tabuk terletak di antara Madinah dan Damsyik, 700 km dari Madinah dan tenggara ‘Aqabah. Serbuan ke atas Tabuk juga dikenali sebagai serbuan masa susah, kerana umat Islam mengalami kesusahan pada masa itu kerana cuaca panas dan kemarau, walaupun ia berlaku pada musim di mana buah sedang masak ranum.

#### 4.

### **Kempen Menakluk Jerusalem Yang Dimulakan Abu Bakar dan Disempurnakan ‘Umar al-Khaṭṭāb**

Kempen untuk menakluk Jerusalem telah dilancarkan oleh Abū Bakar,<sup>12</sup> dan disempurnakan dengan penaklukan Jerusalem oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb pada tahun ke-15 Hijrah (636 Masihi), yang mana merupakan titik tolak yang sangat penting dalam sejarah Timur Arab Islam.

Setelah ‘Umar al-Khaṭṭāb tiba di Jerusalem, beliau bersetuju dengan penduduk Jerusalem terhadap terma penyerahan, dan menulis untuk mereka dokumen keamanan yang terkenal yang dikenali sebagai “Jaminan ‘Umar.”<sup>13</sup> Dalam hal ini, ‘Umar telah memberikan jaminan untuk setiap orang daripada mereka, harta benda mereka, begitu juga terhadap gereja-gereja dan salib-salib mereka. Melalui Jaminan ini juga, ‘Umar telah memberikan kepada mereka kebebasan beragama, dan kebebasan untuk kekal di Jerusalem atau pergi meninggalkan Jerusalem. ‘Umar juga (memberi jaminan) memelihara tempat-tempat suci mereka.

---

12 Peperangan Yarmuk berlaku pada 27 Jumādā al-Thānī 13H (634M).

13 Juga disebutkan sebagai *al-‘Abdah al-‘Umariyyah* (Perjanjian ‘Umar) – pent.

Berikut adalah teks Jaminan ‘Umar tentang keselamatan penduduk Īliyā’ (Jerusalem):<sup>14</sup>

“Dengan nama Allāh Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Inilah jaminan keselamatan yang dianugerahkan oleh hamba Allāh, (Khalifah kedua) ‘Umar (bin al-Khaṭṭāb), Amīr al-Mu’minīn, kepada penduduk Īliyā’ [Capitolina]. Dia (‘Umar) memberikan jaminan kepada mereka akan keselamatan nyawa dan harta benda mereka; gereja-gereja dan salib-salib mereka; sama ada yang telah rosak atau yang masih elok; dan untuk seluruh komuniti agama mereka. Gereja-gereja mereka tidak akan didiami atau dimusnahkan (oleh orang Islam). Begitu juga tanah tempat mereka menetap di atasnya, mahupun salib-salib mereka serta harta

---

14 Al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, bahagian ke-2, hlm. 449. Teks al-Ṭabarī tentang jaminan keselamatan Islam kepada penduduk Jerusalem diterbitkan buat pertama kali oleh *Islamic Research Academy* (IRAP) pada tahun 1995 sebagai poster kaligrafi dalam bahasa Arab dan Inggeris (saiz 83 x 51 cm). Gereja Ortodoks di Jerusalem pada 1 Januari 1953 telah menerbitkan salinan asal manuskrip di Perpustakaan Byzantine di al-Fanar dalam daerah pentadbiran Istanbul, yang mana ia mendakwa itu adalah Jaminan ‘Umar. (Perpustakaan Patriarkat Ortodoks Yunani di Jerusalem, Dokumen No. 552.) Perlu diingatkan bahawa pengkaji ini pada masa kini sedang menyiapkan kajian sejarah yang merangkumi pemeriksaan teknikal dokumen bersejarah ini untuk menentukan sama ada dokumen ini benar atau palsu, melalui kritikan terhadap dokumen secara umumnya dan kandungannya secara khusus, seperti yang diterimapakai dalam metodologi penyelidikan sejarah.

benda mereka tidak akan dirampas. Mereka tidak akan dipaksa untuk bertukar agama (kepada Islam), dan tidak ada seorangpun dari mereka yang akan dimudaratkan. Tiada Yahudi akan tinggal bersama mereka di Īliyā'. Penduduk Īliyā' hendaklah membayar jizyah (cukai) sepertimana penduduk kota-kota (yang lain), dan mereka mestilah mengusir Byzantine. Adapun bagi mereka yang akan meninggalkan (kota), jiwa dan harta benda mereka akan terpelihara sehinggalah mereka sampai ke tempat yang selamat; dan bagi yang menetap (di kota ini), mereka akan selamat. Mereka wajib membayar jizyah (cukai) sama seperti rakyat Īliyā'. Penduduk-penduduk Īliyā' yang ingin keluar bersama Byzantine ambillah harta mereka dan tinggalkan gereja-gereja dan salib-salib, mereka akan selamat sehingga mereka sampai ke tempat mereka yang selamat. Penduduk-penduduk kampung (*ahl al-Ard*) yang berada di Īliyā' boleh kekal di kota ini jika mereka mahu, dan sekiranya mereka mahu (kekal di kota ini) hendaklah mereka membayar jizyah sama seperti penduduk Īliyā' (yang lain). Mereka boleh keluar bersama Byzantine jika mereka mahu, dan mereka juga boleh kembali ke keluarga mereka jika mereka mahu. Tiada apa-apa yang akan diambil daripada mereka sehinggalah hasil tuaian mereka telah dituai.



Kandungan jaminan ini adalah di bawah perjanjian Allāh, tanggungjawab Nabi-Nya, KhalifahNya, dan orang-orang Mukmin, selama mana (penduduk Īliya’) membayar jizyah berdasarkan kewajipan dan tanggungjawab mereka. Perjanjian ini disaksikan oleh: Khālid bin al-Walīd, ‘Amru bin al-‘Āṣ, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf, dan Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān. Perjanjian ini ditulis dan disediakan pada tahun ke-15 [Hijrah.](636 Masihi).”

‘Umar bin al-Khaṭṭāb tidak menolak satu peruntukan dalam Jaminan beliau – seperti yang diminta oleh penduduk Īliya’ – bahawa “tiada orang Yahudi harus tinggal di Īliya’ bersama mereka...” Jaminan ini selaras dengan kedudukan orang Yahudi di Jerusalem seperti yang telah diputuskan sejak dekri yang telah dikeluarkan oleh Maharaja Hadrian pada tahun 139 Masihi yang melarang orang Yahudi memasuki Jerusalem, tinggal di sana, mendekatinya walaupun untuk melihatnya dari jauh.

‘Umar memperbaharui dekri Hadrian ini, tetapi membenarkan kompromi, yang mana mereka boleh melihat, dan menziarahi kota (Jerusalem). Ini mereka lakukan, dan menurut *Encyclopedia Judaica* (artikel tentang Jerusalem) sebanyak tujuh puluh keluarga Yahudi dibenarkan tinggal di sana. Keputusan ‘Umar tersebut bagi memastikan bahawa, dalam tempoh pelaksanaannya, orang Yahudi tidak mempunyai kedaulatan ke atas Jerusalem. Nampaknya tidak berapa lama selepas permulaan pemerintahan Islam, Yahudi

telah menduduki semula Jerusalem selepas 500 tahun larangan terhadap mereka.

Orang-orang Islam tidak merampas Jerusalem dari orang-orang Yahudi, atau menaklukinya ketika orang-orang Yahudi tinggal di sana. Orang-orang Islam menerima Jerusalem daripada orang-orang Rom. Sejarah mengesahkan bahawa orang-orang Yahudi, seperti kumpulan dan bangsa yang lain, memasuki Jerusalem untuk suatu tempoh masa dan kemudian meninggalkannya. Bandar-bandar mereka hilang sama sekali, telah dimusnahkan sekurang-kurangnya tiga kali sejak zaman Nabi Sulaymān. Nebuchadnezzar memusnahkan bandar dan rumah ibadat mereka sekitar tahun 586 SM. Kemudian orang-orang Rom memusnahkan bandar mereka dua kali sehingga menghapuskan namanya. Titus memusnahkan bandar mereka dan membakar rumah ibadat mereka sekitar tahun 70 Masihi, begitu juga yang dilakukan Hadrian pada tahun 135 Masihi.

### **Status Jerusalem selepas Penaklukan ‘Umar**

Sejak penaklukan Jerusalem oleh ‘Umar, ia telah memperoleh identiti Islam. Tanah bercukai kemudiannya menjadi tanah Amanah selama beberapa generasi umat Islam, yang tidak boleh diserahkan, dijual atau digadaikan. Seperti yang dinyatakan oleh al-Māwārdī:<sup>15</sup>

---

15 Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ḥabīb al-Māwārdī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Muṣṭafā al-Ḥalabī Press, Cairo, 1958, hlm. 136-137.

- a. Negeri yang ditakluki oleh orang-orang Islam melalui kekerasan: ia menjadi “*Dār al-Islām*” (wilayah Islam) sama ada orang Islam tinggal di sana atau orang bukan Islam dibenarkan untuk kembali kepadanya, kerana orang Islam memilikinya. Ia tidak boleh diserahkan kepada orang bukan Islam, supaya ia tidak kembali menjadi *Dār al-Ḥarb* (wilayah perang).
- b. Negeri yang ditakluki oleh orang-orang Islam secara aman: Melalui keamanan ini ia menjadi harta waqaf untuk *Dār al-Islām*, dan tidak boleh dijual atau digadaikan. Cukai tanah adalah sewa yang tidak berhenti jika (penduduknya) menjadi Muslim, dan ia dikenakan levi jika tanah itu dipindahkan kepada orang Islam yang lain.

Sebelum tanah di Palestin menjadi tanah waqaf berikutan penaklukan ‘Umar, sebahagian daripadanya telah menjadi waqaf pada masa kehidupan Nabi Muḥammad. Terdapat bukti kukuh, termasuk maklumat yang dikaitkan dengan Nabi sendiri<sup>16</sup> yang menunjukkan bahawa tanah di

---

16 Lihat Shaykh Muḥammad Bakhīt al-Muṭī‘ī, *Copy of the Ruling by His Eminence Shaikh Muḥammad Bakhit al-Muti‘i, former Mufti of Egypt, on the Waqf of the Prophet’s Companion Tamīm al-Dāri and his successors*, dikeluarkan pada 7 Rajab 1350, No. 275, hlm. 99, bahagian 7 (Islamic Vocational Orphanage, Jerusalem, 1984); Mehmet İpşirli dan Muḥammad Dāwūd al-Tamīmī, *Awqāf wa Amlāk al-Muslimīn fī Filisṭīn* (Research Centre for Islamic History, Arts and Culture, Istanbul, 1982), yang mengandungi penyelidikan dan pembentangan salah satu tanah yang didaftarkan di negeri Uthmaniyyah yang mana semua harta dan waqaf orang-orang Islam di lima wilayah Palestin: (Jerusalem, Gaza, Safad, Nablus dan Ajlun) telah didaftarkan. Ini

Hebron adalah merupakan waqaf yang pertama di Palestin, sesungguhnya ia adalah waqaf yang pertama dalam Islam. Nabi mewaqafkannya kepada sahabat iaitu Tamīm bin Aws al-Dārī, saudara-saudaranya dan keturunannya hingga hari kiamat. Tamīm adalah penduduk Palestin pertama yang memeluk Islam. Dengan kurniaan ini kepadanya, Nabi sebenarnya telah mengisytiharkan pemilikan Palestin yang sah kepada Islam. Sehubungan itu, orang-orang Islam percaya bahawa Jerusalem bukan milik orang-orang Palestin atau orang-orang Arab semata-sama tetapi Jerusalem milik semua orang Islam dan “menyerahkan mana-mana bahagian dari Palestin adalah umpama melepaskan sebahagian daripada agamanya.”<sup>17</sup>

## 5.

### **Pembinaan Masjid-Masjid di Jerusalem**

Pembinaan masjid-masjid (di Jerusalem), terutamanya Masjid al-Aqṣā – pada tahun 18 atau 21 Hijrah – atas perintah

---

telah disimpan di Turki sejak abad ke-10 Hijrah (abad ke-16 Masihi), iaitu sejak Penaklukan Uthmaniyyah ke atas Palestin pada tahun 922 Hijrah (1516 Masihi) pada zaman Sultan Selim I, di Pejabat Daftar Ottoman, di Pejabat Perdana Menteri Turki di Istanbul. Lihat juga, Najm al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ghayṭī, *al-Jawāb al-Qawīm ‘an al-Su‘āl al-Muta‘alliq bi lqṭā‘ al-Sayyid Tamīm (taḥqīq oleh Ḥasan ‘Abd al-Raḥman al-Sildāwī)* (Islamic Research Centre, Jerusalem. 1986), hlm. 44-45.

17 ‘Abd al-Fattāḥ al-‘Awaysī, *The Muslim Brothers and the Palestine Question: 1928-1947* (Tauris Academic Studies, London, 1998), hlm. 10.

‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Ini diikuti oleh (Khalifah) ‘Abd al-Malik bin Marwān yang memulakan pembinaan Masjid al-Aqṣā (seperti yang ada) sekarang – di atas tapak masjid yang telah diperintahkan oleh ‘Umar bin al-Khaṭṭāb untuk membinanya – dan pembinaannya telah disempurnakan oleh anaknya al-Walīd pada tahun 90 Hijrah (708-709M). Orang Islam menganggap Masjid al-Aqṣā sebagai simbolik kepada identiti Islam di situ.

## 6.

### **Sebilangan Besar Para Sahabat Telah Melakukan Perjalanan ke Jerusalem**

Tanah Jerusalem telah bercampur dengan darah sebilangan besar sahabat Nabi Muḥammad; yang telah terkorban sebagai shuhadā’ di atas tanah barakah tersebut, juga para sahabat Nabi yang membantu menyelamatkannya, menjaganya dan memeliharanya.<sup>18</sup> Sebilangan besar sahabat Nabi juga telah melakukan perjalanan untuk menziarahi Jerusalem, termasuklah antaranya ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Amru bin al-‘Āṣ, Khālīd bin al-Walīd, Abū ‘Ubaydah Āmir bin al-Jarrah, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf, Mu‘āwiyah

---

18 Lihat juga nama-nama beberapa orang sahabat Nabi yang memasuki Jerusalem: ‘Ārif al-‘Ārif, *al-Mufaṣṣal fī-Tārīkh al-Quds*, al-Andalus Library, Jerusalem, Shawwal 1380/April 1961, bahagian 1, hlm. 95-100; Mujir al-Dīn al-Ḥanbalī, *al-Uns al-Jalīl bi Tārīkh al-Quds wa al-Khalīl*, al-Muḥtasib Bookshop, Amman, 1973, bahagian 1, hlm. 260-267. Jumlah Sahabat Nabi yang memasuki Jerusalem bersama-sama ‘Umar dianggarkan sekitar 4,000 Sahabat.

bin Abī Sufyān, Abū Umāmah al-Bāhilī, Şudā bin ‘Ajlān, ‘Iyāḍ bin Ghanam, Yazīd bin Abī Sufyān, ‘Abdullāh bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, Sa’d bin Abī Waqqaş, Abū Dhar al-Ghifārī (Jundub bin Junādah), Abū al-Dardā’ (‘Uwaymir bin Mālik), Mu‘ādh bin Jabal, Salmān al-Fārisī, ‘Abdullāh bin Salām, Abū Hurayrah (‘Abd al-Raḥman bin Şakhr), Abū Mas‘ūd al-Anşārī (‘Uqbah bin ‘Āmir), Abū Jum‘ah al-Anşārī (Ḥabīb bin Siba’), Abū Rayḥānah (Sham‘ūn al-Anşārī), Al-Sharīd bin Suwayd, Tamīm al-Dārī, Fayrūz al-Daylamī, Dhu al-‘Aşābi’ al-Tamīmī, Abū Muḥammad al-Bukhārī (Mas‘ūd bin Aws), ‘Abdullāh bin Ubayy bin Ummu Ḥaram, Wāthilah bin al-Asqa’, Maḥmūd bin al-Rabī’, Salāmah bin Qayşar, ‘Uḍayf bin al-Ḥārith, Ummu al-Mu’minīn Şafīyah binti Ḥuyay bin Akḥṭab, Bilāl bin Rabāḥ, Ka’b al-Aḥbār, ‘Abdullāh bin ‘Abbās, ‘Awf bin Mālik al-Ashja’ī, ‘Abdullāh bin ‘Amru bin al-‘Āş, Murrah bin Ka’b, ‘Abdullāh bin Abī al-Jahm al-Qurashī al-‘Adawī, Bashīr bin ‘Aqrabah, Abū Ayyūb al-Mālikī, Hishām bin al-‘Āş, Khālīd bin Sa‘īd bin al-‘Āş, Sa‘īd bin ‘Āmir, Masrūq bin Fulān al-‘Akkī, ‘Alqamah bin Mujazzaz, ‘Alqamah bin Hakīm, ‘Abd al-Raḥman bin Khālīd bin al-Walīd, ‘Uthmān bin Ṭalhah al-‘Abdarī, al-Faḍl bin ‘Abbās, dan ‘Ikrimah bin Abī Jahal.

Kubur sebahagian sahabat masih kelihatan di Jerusalem, seperti dua sahabat ‘Ubādah bin al-Şāmit (yang meninggal pada 34 Hijrah / 654-655 Masihi) dan Shaddād bin ‘Aws bin Thābit al-Anşārī (yang meninggal pada 58 Hijrah / 677-

678M)<sup>19</sup> di tanah perkuburan al-Raḥman di Jerusalem atau Tamīm al-Dārī di bahagian utara Bayt Jibrin berhampiran Hebron.

## 7.

### **Sebilangan Besar Para Tābi‘īn Turut Melakukan Perjalanan ke Jerusalem dan Menetap di Jerusalem**

Sebilangan besar tābi‘īn dan ahli teologi telah mengembara ke Jerusalem.<sup>20</sup> Sebahagian daripada mereka meninggalkan negara asal mereka untuk tinggal berhampiran Masjid al-Aqṣā. Antara tābi‘īn yang menetap di Palestin dan Jerusalem ialah Ibrāhīm bin Muḥammad bin Sirj al-Firyābī, Rūḥ bin Zalbā‘ al-Judhāmī, ‘Abdullāh bin Muḥayrīz, Jubayr bin Nufayr, Hujaymah binti Ḥuyay (Ummu al-Dardā’ yang muda – isteri kedua Abū al-Dardā’), Rajā’ bin Ḥaywah, dan Ibrāhīm bin Adham. Antara mereka yang meninggal dunia di sana ialah ‘Ubādah bin Nusayy al-Kindī (yang meninggal di Tiberias), al-Ḥasan bin Waqī‘ (yang meninggal di Ramleh), Thawr bin Yazīd al-Kalā’ī (yang meninggal di Jerusalem), dan Ādam bin Iyās (yang meninggal di Asqalan).

---

19 Nabi Muḥammad memberitahu Shaddād bin Aws: “Shām akan ditakluki, dan Jerusalem akan ditakluki. Kamu dan keturunan kamu akan menjadi Imam di sana, inshāAllāh.”

20 Lihat juga nama-nama beberapa tābi‘īn dan ilmuwan yang terkenal, yang menetap di Jerusalem: ‘Ārif al-‘Ārif, *al-Mufaṣṣal fī Tārīkh al-Quds*, hlm. 102-104; Mujīr al-Dīn al-Ḥanbalī, *al-Uns al-Jalīl bi Tārīkh al-Quds wa al-Khalīl*, hlm. 285-302.

## 8.

### **Jerusalem Dijadikan Pusat Kegiatan Keilmuan**

Sekolah-sekolah agama, asrama-asrama, dan kuarters-kuarters penginapan untuk para ulama teologi yang memenuhi Masjid al-Aqṣā untuk beribadah, untuk memperoleh keberkatan, sama ada sebagai pelawat, atau untuk menulis dan mengajar, seperti Ḥujjāt al-Islām Abū Ḥāmid al-Ghazālī. Beliau menziarahi Jerusalem pada tahun 489 Hijrah / 1095 Masihi, tinggal di sana, dan menulis bukunya yang paling terkenal, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Pada zamannya terdapat lebih daripada 630 ahli teologi di Jerusalem. Antara personaliti terkemuka yang datang atau belajar di Masjid al-Aqṣā pada abad kedua Hijrah adalah ahli tafsir al-Qur'ān Muqātil bin Sulaymān, ulama Syariah dari Syria Imām al-Awzā'ī, ulama Iraq Sufyān al-Thawrī, Imām al-Layth bin Sa'd bin 'Abd al-Raḥman al-Fahm, Imām al-Shāfi'ī, Wakī' bin al-Jarraḥ bin Malīḥ. Para ulama hadis yang mengunjungi Masjid al-Aqṣā pada abad pertama dan kedua Hijrah termasuklah Muḥammad bin Ḥātim bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Ṭā'ī, Abū al-Ḥasan al-Ṭūsī, 'Abdullāh bin Fayrūz al-Daylamī, dan Mālik bin Dīnār. Ulama teologi yang berkunjung ke Jerusalem pada abad kelima Hijrah termasuklah Imām Abū Bakar bin al-'Arabī al-Andalūsī al-Ishbilī, Imām Abū al-Faraj 'Abd al-Wāḥid bin Aḥmad al-Shīrāzī, kemudian Mufti Besar al-



Maqdisī al-Anṣārī al-Ḥanbalī. Ulama teologi Jerusalem termasuk Imām al-Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl Muḥammad bin Ṭāhir bin ‘Alī bin Aḥmad yang dikenali sebagai Ibn al-Qaysarānī, dan Abū al-Faḍl ‘Aṭā’ al-Maqdisī pakar mazhab Shāfi‘ī.

## 9.

### **Seruan Menetap di Jerusalem dan Galakkan Untuk Tidak Meninggalkannya**

Status istimewa Jerusalem inilah para ulama teologi menyeru umat Islam untuk menetap di dalamnya, tidak menggalakkan mereka meninggalkannya, meneguhkan kedudukan mereka di dalamnya, mempertahankannya dan menghalau penceroboh daripadanya. Kualiti yang baik yang ada pada sejarah Syria (al-Shām) dan penduduknya adalah merupakan salah satu faktor utama yang digunakan oleh ulama teologi seperti Ibn Taymiyyah dalam menyeru orang-orang Islam untuk menyerang Tatar, memerintahkan mereka untuk tinggal di Damsyik, melarang mereka daripada meninggalkannya untuk pergi ke Mesir, dalam rayuannya kepada tentera Mesir untuk datang ke Syria dan dalam membuatkan tentera Syria berdiri teguh di sana.<sup>21</sup>

---

21 Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Takhrīj Aḥādīth Faḍā'il al-Shām*, hlm. 69.

## 10.

### **Menzahirkan Kepentingan Jerusalem Melalui Penerbitan Bahan Ilmiah**

Untuk membantu menyediakan maklumat-maklumat ilmiah, dan bagi menzahirkan perasaan semangat terhadap tanah yang diberkati ini, beberapa buku dan tesis tentang kemuliaan Jerusalem telah ditulis, antaranya seperti berikut:

- a) Bahā' al-Dīn bin 'Asākir (meninggal dunia 670 Hijrah), *al-Jāmi' al-Mustaḡṣā fī Faḍā'il al-Masjid al-Aḡṣā*.
- b) Musharrif bin al-Marjā bin Ibrāhīm al-Maqdisī, *Faḍā'il al-Quds wa al-Shām*.
- c) Abū al-Faraj bin al-Jawzī (meninggal dunia 597 Hijrah), *Faḍā'il al-Quds*.
- d) Al-Qāḍī Amīn al-Dīn bin al-Ḥasan bin Hibatullāh al-Shāfi'ī (abad ketujuh Hijrah), *al-Uns fī Faḍā'il al-Quds*.
- e) Muḥammad bin Aḥmad bin 'Abd al-Hādī bin Qudāmah al-Maqdisī (meninggal dunia 744 Hijrah), *Faḍā'il al-Shām*.
- f) Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Hilāl bin Surūr al-Maqdisī (meninggal dunia 765 Hijrah), *Muthīr al-Gharam bi Faḍā'il al-Quds wa al-Shām*.

- g) Nāṣir al-Dīn al-Rūmī al-Ḥalabī (meninggal dunia 948 Hijrah), *al-Mustaqṣā fī Fadā'il al-Masjid al Aqṣā*.

Setelah mengkaji pelbagai ayat al-Qur'ān, hadis-hadis Nabi dan sejarah Islam tentang Jerusalem, maka seorang pun tidak dapat menafikan tentang kepentingan Jerusalem yang amat besar kepada setiap orang Islam.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, seorang penyelidik boleh mencatatkan bahawa sejarah Jerusalem, menurut sejarawan Islam, telah melalui empat zaman yang ketara dan tersendiri, iaitu:

1. Zaman pembentukan dan pembinaan (2500 – 1184 SM) : iaitu daripada zaman di mana orang-orang Kana'an menetap di sana sehinggalah ia menghadapi pencerobohan dari luar (oleh kumpulan orang-orang Filistin), dan pencerobohan yang lain pada masa yang sama dari arah padang pasir (iaitu orang-orang Yahudi).
2. Zaman perselisihan, kesukaran dan kekacauan (1184 SM – 636 M) : iaitu daripada akhir zaman pembentukan dan pembinaan sehinggalah kepada penaklukan Jerusalem oleh orang-orang Islam.
3. Zaman pembinaan dan pembangunan (636 – 1917 M) : iaitu daripada zaman penaklukan Jerusalem oleh orang-orang Islam sehinggalah Britain mengeluarkan Deklarasi Balfour dan seterusnya menduduki Jerusalem.

4. Zaman kembalinya persengketaan, kekacauan, peperangan yang ganas dan merosakkan: iaitu dari tahun 1917 Masihi sehingga kini.

Oleh itu konspirasi-konspirasi, peperangan-perangan dan pertempuran-pertempuran yang dahsyat, menurut perkiraan orang-orang Islam, hanya boleh dihentikan di Jerusalem, selepas penaklukan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb. Kehidupan seharian pada zaman Islam – zaman pembinaan dan pembangunan – telah ditandai dengan kestabilan. Pada zaman tersebut, penduduk Jerusalem menikmati perlindungan, keselamatan dan keamanan – kecuali tempoh Perang Salib (tahun 1099-1187M). Terdapatnya aktiviti ilmiah pada skala yang meluas. Ia adalah zaman di mana sekolah-sekolah, masjid-masjid dan hospital-hospital diasaskan. Ia menjadi pusat pembelajaran di mana sebilangan besar para ilmuwan dilahirkan. Ia menikmati penjagaan dari para Khalifah dan penguasa Muslim.

